

25 JUN 2002

Samy-Lebuh Raya (Bergambar)

KEMENTERIAN SEDANG TUNGGU "LAMPU HIJAU" KERAJAAN TERENGGANU

KUALA LUMPUR, 25 Jun (Bernama) -- Kementerian Kerja Raya masih menunggu persetujuan kerajaan Pas Negeri Terengganu secara rasmi untuk meneruskan kerjasama membina fasa dua Lebuh Raya Pantai Timur (LPT) di negeri itu.

Menteri berkenaan Datuk Seri S Samy Vellu berkata pihaknya telahpun menyatakan persetujuannya kepada kerajaan negeri untuk membayar pampasan bagi pengambilan tanah penduduk yang akan terlibat dalam pembinaan lebuh raya itu.

"Setakat ini kita cuma dapat maklumat yang mereka mengalu-alukan keputusan itu tetapi belum ada yang rasmi," katanya kepada pemberita selepas melancarkan pertandingan Kemahiran Malaysia 2002, di sini hari ini.

Samy Vellu berkata demikian ketika ditanya mengenai perkembangan terkini berhubung pembinaan fasa dua LPT dari Chendering ke Bukit Besi di Terengganu, ekoran keputusan kerajaan negeri itu yang bertegas mahu meneruskan pembinaan Motorway dari Jabor ke Hulu Besut walaupun Kerajaan Pusat telah bersetuju untuk membina LPT itu.

Pada 5 Jun lepas, Menteri Besar Terengganu Datuk Seri Abdul Hadi Awang dilaporkan berkata pembinaan Motorway itu dibuat berikutan keengganan Kerajaan Pusat memberi peruntukan bagi pengambilan tanah dan penyediaan infrastruktur pemindahan.

Bagaimanapun pada Rabu lepas, Kabinet bersetuju untuk membayar pampasan bagi tujuan itu atas permintaan kementerian.

"Kita harap Kerajaan Terengganu akan menyelesaikan perkara ini dengan segera, jadi bolehlah kita menghantar semua plan berkenaan aliran lebuh raya dan kawasan yang terlibat kepada mereka dan mereka boleh hantar maklumat mengenai jumlah penduduk dan luas tanah yang terlibat kepada kita, bolehlah kita anggar jumlah pampasan," katanya.

Projek LPT yang bernilai RM2.7 bilion sepanjang 338 kilometer menghubungkan Karak, di Pahang dan Chendering, Terengganu dilaksanakan sepenuhnya oleh MTD Capital Berhad.

Buat masa ini projek LPT fasa pertama di Pahang bernilai RM1.2 bilion sedang dilaksanakan.

Ketika ditanya mengenai tempoh masa yang diambil oleh Kerajaan Negeri Pahang untuk menyelesaikan urusan pengambilan tanah, Samy Vellu berkata ia dilakukan dalam masa enam bulan sahaja -- suatu rekod daripada segi masa paling singkat.

"Jadi kalau Kerajaan Terengganu pun boleh buat dalam masa yang singkat, lagi cepatlah kita boleh jalankan pembinaan," katanya.

Pertandingan Kemahiran Malaysia 2002 buat pertama kali akan dianjurkan oleh pihak industri yang berkenaan.

Sejak ia diperkenalkan pada 1990 atas ilham Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pertandingan itu telah dianjurkan oleh Kementerian Kerja Raya.

Untuk pertandingan kali ini yang akan diadakan selama empat hari bermula 13 Sept nanti, sebanyak 12 kemahiran akan dipertandingkan dalam tujuh industri.

Industri berkenaan ialah Industri Pembuatan (akan dianjurkan oleh Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan), Pembinaan (Lembaga Industri Pembinaan Malaysia), Automobil (Proton), Pembuatan Berat (Petronas), Elektrik dan Elektronik (Tenaga Nasional Berhad), ICT (Mimos Berhad), dan Hospitaliti (Persatuan Hotel Malaysia).

Pemenang pada pertandingan itu akan mewakili negara ke pertandingan

Kemahiran Asean di Jakarta pada Oktober tahun ini dan Pertandingan  
Kemahiran Sedunia di Switzerland pada Jun tahun depan.

-- BERNAMA

NM AHH NMO